

03 MAY 1999

MAHATHIR TELAH FIKIR DENGAN MENDALAM SERAH JAWATAN KEPADA PAK LAH

ALOR SETAR, 3 Mei (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau percaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memikirkan dengan mendalam untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada timbalannya selepas pilihan raya akan datang.

"Kebiasannya, menjadi tradisi timbalan perdana menteri menggantikan perdana menteri apabila beliau berundur," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan warga pendidikan Kedah, di Wisma Darul Aman di sini hari ini.

Najib berkata beliau menyokong tindakan Dr Mahathir itu yang terbaik dan tepat untuk negara.

Beliau diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir dalam wawancara dengan akhbar terkemuka Jepun, Mainichi Shimbun, Jumaat lepas yang menyebut beliau akan menyerahkan jawatan kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila timbalannya itu telah bersedia.

Semalam, semasa persidangan berita di Alor Setar selepas mengakhiri lawatan tiga hari ke Kedah, Dr Mahathir mengesahkan kenyataan itu dengan berkata, : "Ya...saya akan serahkan jawatan itu selepas pilihan raya. Bila... kita tidak tahu. Mungkin selepas satu tahun, dua tahun, tiga tahun atau empat tahun".

"Dr Mahathir menyatakan sesuatu yang menjadi kelaziman (timbalan menggantikan ketuanya)... melainkan sesuatu yang luar biasa berlaku," kata Najib.

-- BERNAMA

MZM RON